

ISUIN
3/4/23

عَظْفُ الْعَامِّ عَلَى الْخَاصِّ يَدُلُّ عَلَى
التَّغْمِيمِ، وَعَلَى أَهَمِّيَةِ الْأَوَّلِ.

80- `Athaf (perkataan) `aam kepada (perkataan) khas menunjukkan keumuman dan kepentingan yang pertama (khas).

Keterangan:

Oleh kerana ma`na khas adalah sebahagian daripada ma`na `aam dan ia telah pun termasuk di bawah ma`na `aam, maka meng`athafkan pula `aam kepadanya menunjukkan `aam merangkumi semua afrādnya, walaupun begitu perkataan khas disebutkan juga secara berasingan untuk menunjukkan kelebihan dan kebesaran atau keistimewaannya pada sifat-sifat tertentu.

Antara contohnya di dalam al-Qur'an:

(1)

قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٦٢﴾

Bermaksud: Katakanlah: “Sesungguhnya sembahyangku dan ibadatku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam.” (al-An`ām:162).

Nusuk bererti ibadat, sembahyang adalah salah satu juzu' atau bahagian daripadanya, kalau begitu erti ibadat lebih umum daripada erti sembahyang, namun begitu nusuk (ibadat) yang lebih umum itu di`athafkan juga kepada shalat (sembahyang) untuk menunjukkan kebesaran dan keistimewaan shalat.

(2)

إِنْ تَتُوبَا إِلَى اللَّهِ فَقَدْ صَغَتْ قُلُوبُكُمَا وَإِنْ تَظَاهَرَا عَلَيْهِ فَإِنَّ اللَّهَ هُوَ مَوْلَاهُ وَجِبْرِيلُ وَصَالِحُ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمَلَائِكَةُ بَعْدَ ذَلِكَ ظَهِيرٌ ﴿٤﴾

Bermaksud: Jika kamu berdua bertaubat kepada Allah (wahai isteri-isteri Nabi), maka sesungguhnya hati kamu berdua telah pun cenderung (untuk bertaubat); dan jika kamu berdua saling membantu untuk (melakukan sesuatu yang) menyusahkannya, (maka yang demikian itu tidak akan berjaya) kerana sesungguhnya Allah adalah Pembelanya; dan selain dari itu Jibril serta orang-orang yang soleh dari kalangan orang-orang yang beriman dan malaikat-malaikat (yang lain) juga menjadi penolongnya. (at-Taḥrīm:4).

Ma`na malaikat lebih umum daripada (ma`na) Jibril, dan Jibril adalah sebahagian daripada malaikat, namun begitu perkataan malaikat yang lebih umum itu di`athafkan juga kepadanya untuk menunjukkan kemuliaan, kebesaran dan kelebihan Jibril daripada sekalian malaikat yang lain.

(3)

قُلْ مَنْ يَرْزُقُكُمْ مِنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ أَمَّنْ يَمْلِكُ السَّمْعَ وَالْأَبْصَرَ وَمَنْ يُخْرِجُ النَّحْيَ مِنَ النَّمِيَّتِ وَيُخْرِجُ النَّمِيَّتِ مِنَ النَّحْيِ وَمَنْ يُدَبِّرُ الْأَمْرَ فَسَيَقُولُونَ اللَّهُ فَقُلْ أَفَلَا تَتَّقُونَ ﴿٢١﴾

Bermaksud: Bertanyalah kepada mereka (yang musyrik itu): “Siapakah Yang memberi rezeki kepada kamu dari langit dan bumi? Atau siapakah yang menguasai pendengaran dan penglihatan? Dan

siapakah yang mengeluarkan makhluk yang hidup dari benda yang mati, dan mengeluarkan benda yang mati dari makhluk yang hidup? Dan siapakah pula yang mentadbirkan urusan sekalian alam?" (Dengan pertanyaan-pertanyaan itu) maka mereka (yang musyrik) tetap akan menjawab (mengakui) dengan berkata: "Allah!" Oleh itu, katakanlah: "(Jika kamu mengakui yang demikian), maka mengapa kamu tidak mahu bertaqwa (kepadaNya)?" (Yunus:31).

Ayat ini menyatakan beberapa perbuatan dan sifat Allah s.w.t.:

Memberi rezeki, menguasai pendengaran dan penglihatan, mengeluarkan makhluk yang hidup dari benda yang mati, dan mengeluarkan benda yang mati dari makhluk yang hidup. Setelah menyebutkan semua itu Allah berfirman: وَمَنْ يُدَبِّرُ الْأَمْرَ (Dan siapakah pula yang mentadbirkan urusan sekalian alam ini?). Segala sifat dan perbuatan Allah yang tersebut sebelum itu sebenarnya termasuk juga dalam firmanNya "mentadbirkan urusan sekalian alam ini", tetapi semuanya disebutkan secara berasingan dan terpisah untuk menyatakan kelebihan dan keistimewaannya.

(4)

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا ارْكَعُوا وَاسْجُدُوا وَاعْبُدُوا رَبَّكُمْ وَافْعَلُوا الْخَيْرَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٧٧﴾

Bermaksud: Wahai orang-orang yang beriman, ruku'lah serta sujudlah kamu, dan beribadatlah kepada Tuhanmu (dengan mentauhidkanNya), serta kerjakanlah amal-amal kebajikan; supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat). (al-Ĥajj:77).

Di dalam firman Allah ini terdapat dua kali `athaf `aam kepada khas. Pertama ialah `athafnya rangkai kata رُكُّعُوا وَاعْبُدُوا رَبَّكُمْ kepada ارْكَعُوا وَاسْجُدُوا, dan kedua `athafnya rangkai kata رُكُّعُوا وَاسْجُدُوا kepada افْعَلُوا الْخَيْرَ.

Sembahyang adalah salah satu afrād (bahagian dari) ibadat. Dalam ibadat sembahyang termasuklah ruku' dan sujud, ini bererti ruku' dan sujud itu adalah sebahagian daripada ibadat sembahyang, kedua-duanya khas dan ibadat pula `aamnya. Walaupun begitu, ruku' dan sujud disebut secara berasingan dan terpisah daripada `aamnya untuk menunjukkan kelebihan dan keistimewaannya berbanding perbuatan-perbuatan shalat yang lain.

Demikian juga dengan rangkai kata رُكُّعُوا وَاسْجُدُوا, ertinya lebih khusus berbanding rangkai kata افْعَلُوا الْخَيْرَ, beribadat kepada Tuhan atau bersembahyang itu bukannya termasuk juga dalam mengerjakan amal-amal kebajikan? Sudah tentu termasuk, namun ia disebut secara berasingan dan terpisah untuk

menunjukkan kelebihan dan keistimewaannya.